



BERITA UKUR

SUARA JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

BIL: 30

2001

ISSN 0128-0414

@-Map

PRODUK BARU JUPEM DILANCAR



YB Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi ketika melancarkan e-Map dan Hari Terbuka JUPEM

JABATAN Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah mencatat sejarah sekali lagi apabila berjaya mengeluarkan produk terberunya iaitu Peta Elektronik atau e-Map. e-Map adalah sebuah produk terkini berkonsepkan interaktif multimedia hasil inovasi JUPEM yang menawarkan kepelbagaian dan kecanggihan kaedah pengeluaran peta yang lebih pantas, menarik dan efisien.

e-Map telah dilancarkan dalam suasana peruh warna warni oleh Menteri Tanah dan

Pembangunan Koperasi YB Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam pada 2 Julai 2001 bertempat di Dewan Ukur, Ibu Pejabat Ukur dan Pemetaan, Kuala Lumpur. Dalam ucapan alu-aluan pelancaran, YB Menteri telah melahirkan rasa bangga di atas keupayaan dan kerjasama seluruh warga JUPEM dalam menghasilkan produk baru peta iaitu e-Map. Menurutnya lagi, e-Map ini juga menyumbang kepada usaha kerajaan untuk merealisasikan Wawasan Kerajaan ke arah Kerajaan Elektronik yang merupakan salah satu aplikasi perdana Koridor

Raya Multimedia. Majlis pelancaran ini telah dihadiri oleh lebih 200 orang tetamu yang terdiri dari ketua-ketua jabatan/agensi persekutuan, pengetua-pengetua sekolah khususnya dari sekitar Lembah Kelang.

Sementara itu, dalam ucapan aluan di majlis pelancaran, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Y. Bhg. Dato' Hamid Ali menyatakan bahawa penerbitan peta elektronik ini adalah didorong oleh

perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta trend masa kini di samping mempelbagaikan produk dan penggunaan peta. Ianya berkonsepkan interaktif multimedia CD-ROM yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan seperti informasi di hujung jari, kaedah pencarian mudah dan pantas, carian lokasi sekelip mata dan fungsi kunjungan maya.

Menurutnya lagi, e-Map menggunakan elemen-elemen kunjungan maya seperti foto, grafik, gambaran panorama dan objek 3D dilengkapi dengan

(Bersambung ke m/s 3)

Penaung

Dato' Hamid Ali,
DIMP,KMN,PMC,PJC

Penasihat

En. Chia Wee Tong, JSM,KMN

Pengerusi

Dr. Abdul Kadir Taib, KMN

Ketua Pengarang

En. Mohd. Shariffudin Adnan

Pengarang

En. Ramli Nor
En. Sukeri Miskon

Ketua Rekabentuk / Pencetak

En. Muhammat Puzi Ahmat, BSD


Makluman

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Berita Ukur ini tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran Jabatan. Sidang Pengarang Berita Ukur mengalu-alukan sumbangan dari pembaca.

Segala b a h a n - b a h a n hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan dan dialamatkan kepada:

**Pengerusi
Penerbitan Berita Ukur
Tingkat 4, Bangunan Ukur
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur
Tel: 03- 26925311
Fax: 603 - 26933618**

Gunung Ararat ialah salah satu gunung yang mempunyai kemuncak yang luas dan merupakan gunung yang tertinggi di Turki. Gunung ini tegak sendirian dengan ketinggian 16,984 kaki. Bertentangan dengannya sebuah lagi kemuncak gunung yang dipanggil Ararat Kecil setinggi 12,806 kaki. Orang yang menaiki gunung ini akan dapat melihat 3 negara iaitu Rusia, Iran dan Turki.



TEKANAN atau stress boleh membawa kesan positif dan negatif untuk manusia. Tekanan merupakan tindakbalas fizikal, mental dan emosi terhadap sebarang keadaan yang mengganggu kesinambungan yang biasa dirasai atau keadaan stabil seseorang. Ini bermakna tekanan adalah tindakbalas, bukannya rangsangan. Kuasa bertindakbalas berada dalam diri dan kawalan kita sendiri. Sementara itu, tekanan boleh terjadi apabila terdapat tiga petunjuk iaitu, fizikal, psikologi dan sosial.

Secara umumnya, tekanan ini akan memberikan kesan ketara atau perubahan kepada individu seperti rasa bimbang, cemas, risau, malu, tidak selesa dan sebagainya. Sikap negatif ini mungkin boleh membawa kerosakan kepada diri seseorang. Selain itu, tekanan juga akan mempercepatkan proses penuaan seseorang sehingga boleh membawa kepada lupa ingatan, berpenyakit, perubahan tingkah laku yang mendadak disamping keadaan fizikal yang tidak seimbang dengan umur. Ketidakstabilan emosi dan mental juga boleh membawa kepada perubahan mood, tingkah laku yang sukar untuk diramal, bersifat pemaarah dan adakalanya yang hilang dari realiti tugas atau kehidupan sehariannya.

Bagi kita yang berkerjaya, seharusnya kita membuka saluran komunikasi yang berkesan pada semua peringkat. Saluran komunikasi yang terbuka ini haruslah diwujudkan dan diamalkan dalam kehidupan. Kita juga harus mempunyai tempat untuk berbincang pada perkara yang tidak disenangi atau perkara yang mengganggu fikiran dan perasaan. Melalui kaedah ini kita akan mengatakan 'tidak' bila perlu dan mengatakan 'ya' pada tempat yang serasi dengan fikiran dan perasaan kita sendiri.

Selain itu, kita harus mencari seseorang yang boleh dipercayai untuk meluahkan perasaan dan berkongsi masalah. Dengan ini sebahagian dari tekanan akan terlepas. Kita juga harus mempunyai prasangka yang baik dan tidak terdorong gegabah ketika mengendalikan masalah. Sebagai langkah awalan untuk mengatasi tekanan ini, kita harus jujur dan percaya pada diri sendiri sebagai langkah ke arah mendisiplinkan diri. Seringkali kita cenderung untuk mengenali diri dalam kedudukan baik dengan membuat satu penilaian yang kurang baik terhadap diri kita sendiri. Kejujuran boleh menjadikan kita untuk berfikiran terbuka dalam menerima kritikan dan teguran. Ini kerana kita tidak mampu untuk melihat diri kita sendiri tanpa bantuan orang lain bagi menunjukkan ciri-ciri yang tidak baik yang kita miliki. Disiplin diri turut menuntut kita menunaikan janji pada diri sendiri. Banyak janji yang kita buat untuk memperbaiki diri, tetapi kerap kali juga kita sendiri yang memungkirinya. Akibatnya akan menampakkan kelemahan diri sendiri.

(Dari m/s 1)



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan ketika menyampaikan ucapan aluan di Majlis Pelancaran e-Map

objek 3D dilengkapi dengan alat *exploration browsing tools* yang mempunyai beberapa ciri khas termasuk pengukuran jarak, luas, bearing dan koordinat. Katanya, e-Map melalui paparan multi windowsnya membolehkan pengguna melihat peta dalam pelbagai skala termasuk menyediakan peta-peta lain seperti Peta Bandar yang lebih terperinci.

Pelancaran e-Map ini diikuti dengan Hari Terbuka dan Pameran JUPEM selama 3 hari dari 2 - 4 Julai 2001 mulai jam

9 pagi hingga 5 petang. Hari Terbuka yang diadakan sepanjang 3 hari ini telah berjaya menarik minat lebih 6000 pengunjung yang terdiri dari kalangan penuntut sekolah di sekitar Lembah Kelang, orang awam termasuk golongan professional. khas kepada pengunjung di

taklimat juga diadakan berkaitan dengan kerjasama JUPEM khusus kepada penuntut. Kartografi dan e-Map adalah produk digital multimedia yang dihasilkan melalui pelaksanaan Sistem Maklumat Atlas Kebangsaan (NAIS) yang juga merupakan salah satu projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke Tujuh RMK 7. Ianya mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan berbanding penerbitan peta secara tradisi yang mempunyai maklumat yang statik, operasi carian lokasi yang rumit

dan skala peta statik.

Melalui e-Map, pengguna yang ingin mencari lokasi sesuatu tempat di dalam peta hanya perlu menaip nama tempat berkenaan dan e-Map akan memaparkan lokasi itu pada skrin. e-map juga menyediakan alat pelukis bagi membolehkan pengguna melukis atau memasukkan maklumat tambahan ke dalam peta yang disediakan. Selain itu e-Map juga menawarkan kemudahan untuk menyalin, menampal dan mencetak peta mengikut keperluan pengguna.

Pada peringkat permulaan, e-Map yang dilancarkan ini mengandungi 6 buah peta iaitu Peta Malaysia pada skala 1:2,000,000; Peta Semenanjung, Sabah dan Sarawak (1: 750,000) serta Peta Bandar Kuala Lumpur dan Peta Putrajaya (1: 10,000). Penerbitan e-map bagi setiap negeri akan menyusul secara berperingkat-peringkat dan matlamat JUPEM adalah untuk menghasilkan e-map bagi seluruh negara. e-Map juga mempunyai informasi yang dapat dimanfaatkan oleh para pendidik untuk digunakan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek geografi di sekolah-sekolah.



Para pelajar mendengar taklimat kerjaya di Dewan Ukur



Peralatan kerja luar turut dipamerkan kepada pengunjung

Majlis Amanat Ketua Pengarah



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan sedang menyampaikan amanat dan ucapan dasar untuk tahun 2001

UNTUK mencapai kejayaan yang lebih cemerlang bagi sesebuah organisasi, peranan pihak pengurusan dalam menyampaikan matlamat dan dasar adalah penting bagi melicinkan pelaksanaan program tahunan yang dirancang. Dalam hubungan ini, pada 29 Januari 2001, JUPEM telah mengadakan Majlis Amanat Ketua Pengarah di Melaka.

Di majlis ini, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Y. Bhg. Dato' Hamid Ali telah menyampaikan ucapan dasar yang menjadi agenda utama untuk dilaksanakan pada tahun 2001. Majlis ini telah dihadiri oleh Pegawai Pengurusan Tertinggi, semua Pengarah Ukur Negeri dan Ketua Seksyen. Pelbagai perkara telah disentuh meliputi pelaksanaan dasar, program-program pembangunan di samping menganalisis

pencapaian dan kejayaan pelaksanaan program di tahun-tahun yang lalu.

Pada tahun 2000, JUPEM telah berjaya mencapai matlamat kemajuan aktiviti yang membanggakan. Di samping itu, JUPEM juga telah mencatat beberapa kejayaan lain di antaranya menerima penghargaan *Special Achievement in GIS* dari pihak ESRI, USA kerana melaksanakan Sistem Pengurusan Data Kadaster di negeri-negeri dan penganugerahan Sijil MS ISO 9002 oleh MAMPU bagi proses pemetaan dan ukur kadaster. Pada masa yang sama, JUPEM juga telah berjaya meraih beberapa anugerah kualiti dan inovasi di peringkat negeri di antaranya:

- i Anugerah inovasi peringkat Kementerian kepada JUPEM Kedah bagi inovasi

peralatan tambahan untuk kerja-kerja ukuran hakmilik.

- i Anugerah Kualiti Jabatan Persekutuan Peringkat Negeri Perak kepada JUPEM Perak.
- ii Anugerah Kualiti Pengurusan Fail dan Anugerah Kualiti Keceriaan Pejabat kepada JUPEM W.P. Labuan dan
- iv Kategori Perkhidmatan Kaunter peringkat Kementerian kepada JUPEM Terengganu.

Selain itu, JUPEM juga telah dapat menganjurkan persidangan diperingkat antarabangsa apabila diberi penghormatan menjadi tuan kepada 'The 15th United Nations Regional Cartographic Conference for Asia-Pacific' pada tahun lalu dengan jayanya. JUPEM sekali lagi mencatat sejarah apabila diberi penghormatan mengadakan majlis pelancaran e-commerce JUPEM yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri sempena lawatan kerjanya ke Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi pada 9 Disember 2000.

Menyentuh tentang program pembangunan kearah meningkatkan keupayaan dalam melaksanakan fungsinya, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan menyatakan bahawa JUPEM telah dan sedang melaksanakan pelbagai projek di antaranya *outsourcing* data kadaster berdigit dan data topografi berdigit bagi Sabah dan Sarawak bertujuan mewujudkan Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Data Pemetaan yang

lengkap menjelang tahun 2003 dan 2006.

Dalam usaha meningkatkan mutu dan perkhidmatan profesyen Juruukur yang menjalankan praktis, ketika ini pihak Lembaga Juruukur Tanah (LJT) telah mengkaji semula syarat dan peraturan pendaftaran yang sedia ada bagi memberikan pengiktirafan kepada Juruukur-Juruukur di JUPEM. Langkah ini adalah selaras dengan saranan YB. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi satu ketika dahulu supaya jumlah Juruukur berdaftar dan bertauliah terutamanya kaum Bumiputra ditambah.

Berdasarkan kepada syarat khas ini, sebilangan besar Juruukur yang sedang berkhidmat di JUPEM layak dan berjaya untuk didaftarkan sebagai Juruukur Bertauliah dengan LJT. Namun begitu, bagi menjaga kepentingan JUPEM dan perkhidmatan kerajaan, permohonan untuk bersara secara pilihan sendiri bagi Juruukur terpaksa dibekukan untuk sementara waktu.

Dalam perkembangan lain, beberapa orang Juruteknik telah mula ditempatkan di beberapa

Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Pengarah Tanah Galian Negeri bagi membantu kerja-kerja yang berkaitan dengan penyediaan permintaan ukur dan surat hakmilik tanah dan strata.

Sementara itu, program-program kualiti di bawah PKPA seperti Fail Meja, Manual Prosedur Kerja, TQM, Piagam Pelanggan akan terus dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. JUPEM juga akan memperluaskan ruang skop MS ISO 9002 yang telah diperolehi ke JUPEM Negeri. JUPEM akan turut mengambil bahagian dalam pertandingan bagi merebut Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam melalui e-commerce JUPEM dan pembangunan e-map.

Sebagai langkah dalam mewujudkan perkhidmatan yang mantap dan mampu menyahut pelbagai cabaran serta dapat memberikan sumbangan yang berkesan kepada pelaksanaan



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan sedang mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan JUPEM

projek-projek pembangunan kerajaan, JUPEM telah mengkaji semula dan mengubahsuai struktur organisasinya sejajar dengan keperluan masakini. Kali terakhir JUPEM mengalami perubahan struktur organisasinya adalah pada tahun 1993 iaitu semasa Sistem Saran Baru (SSB) mula diperkenalkan.

Y.Bhg. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia seterusnya berharap dan menyarankan kepada seluruh warga JUPEM untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan menjadikan semua kejayaan yang diperolehi sebagai pemangkin kepada kejayaan yang lebih bermakna lagi di tahun-tahun yang akan datang.



Sebahagian daripada Pengarah Ukur dan Ketua Seksyen yang hadir

'Memorandum Persefahaman Bogor 2001' Ditandatangani

JAWATANKUASA Teknikal Bersama Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia (Sabah dan Sarawak) dan Indonesia (Kalimantan Timur dan Barat) telah mengadakan mesyuarat ke 32 pada 26 - 28 Jun 2001 di Bogor, Jawa Barat, Indonesia.

Mesyuarat kali ini adalah untuk membentangkan kemajuan yang dicapai dalam kerja-kerja penandaan dan pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia (Sabah-Kalimantan Timur) untuk tempoh 15 Jun 2000 hingga 5 April 2001 yang dibentangkan oleh Pengarah Projek Encik Zakaria Saat. Sementara itu, Tuan Haji Abu Husin Jantan pula membentangkan kemajuan projek penandaan dan pengukuran Sempadan Antarabangsa Sektor Sarawak - Kalimantan Barat.

Dalam tempoh tersebut, sebanyak 5 buah bikon telah didirikan di beberapa kawasan

keutamaan di Sempadan Antarabangsa Sabah - Kalimantan Timur dan 17 buah di sempadan Antarabangsa Sarawak - Kalimantan Barat.

Pada masa yang sama, Pasukan Ukur telah berjaya melaksanakan penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa yang melibatkan 26 syit 'Field Plans' telah ditandatangani oleh ke dua-dua Pengarah Projek bagi Sektor Sabah - Kalimantan Timur dan 27 syit 'Field Plans' bagi

Sektor Sarawak - Kalimantan Barat.

Walaupun pada dasarnya, kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia bagi Sektor Sabah - Kalimantan Timur dan Sektor Sarawak - Kalimantan Barat telah siap, namun kerja-kerja penyelenggaraan dan sissatan serta manaik taraf akan terus dijalankan. Ia akan dilaksanakan mengikut keutamaan kawasan.



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan sedang menandatangani Syit Field Plans bersama ketua perwakilan Indonesia



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan berbincang bersama Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik) dan Pengarah Ukur Topografi Sarawak

Mesyuarat ini juga bersetuju dengan perancangan untuk Musim Ukur 2002 yang melibatkan siasatan dan tanam pastian tanda sempadan A 1400 hingga B 001 di kawasan keutamaan I (A - B) dan dari tanda sempadan B 001 hinggian B 300 di kawasan keutamaan II (B - C) sepanjang 21.5 km dan 15.6 km. Manakala bagi sektor Sarawak - Kalimantan Barat dari tanda sempadan A 1 hinggian A 156 di kawasan keutamaan I (A - C) sepanjang 29.3 km.

JAWATANKUASA Teknikal Bersama Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand telah mengadakan mesyuarat ke 39 pada 16 - 18 Januari 2001 di Pulau Pinang.

Dalam mesyuarat ini, perwakilan Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Y. Bhg. Dato' Hamid Ali manakala perwakilan Thailand diketuai oleh Lt. Gen. Prasat Burintrwatana. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat pertama yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato' Hamid Ali. Sementara itu, Lt. Gen. Prasat Burintrwatana adalah perwakilan Thailand menggantikan Gen. Suraphol Chinajit yang bertukar ke lain bahagian.

Mesyuarat yang dipengerusikan bersama oleh ketua perwakilan Malaysia dan ketua perwakilan Thailand kali ini adalah untuk membentangkan laporan kemajuan berkaitan dengan kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan tetap Sempadan Antarabangsa Malaysia - Thailand

di sepanjang Sungai Golok asas yang telah dilaksanakan di antara 1 Januari 2000 hingga 30 Jun 2000 .

Mesyuarat juga dimaklumkan b a h a w a Pasukan Ukur Bersama telah melaksanakan kerja-kerja ukur asas khas seperti pengukuran aras dan pembinaan tanda aras, ukuran titik kawal dan cerapan GPS di Sempadan Antarabangsa Malaysia - Thailand di sepanjang Sungai Golok yang dimulakan pada 2 Oktober 1999 dan berakhir pada 24 Mei 2000 .

Di mesyuarat ini juga, ke dua-dua belah pihak telah bersetuju dengan ukuran yang telah dijalankan oleh Pasukan Ukur Bersama di antara BP 13/16 dan BP 5C di Kawasan (BP 8C -

Sempadan Antarabangsa Malaysia - Thailand



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan bersama Ketua Perwakilan Thailand ketika mempengerusikan mesyuarat

BP 16). Mesyuarat juga telah bersetuju serta menerima cadangan dari Pengarah Projek, Encik Azmy Ab. Rahman untuk mendokumenkan sejarah pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia Thailand. Di antara objektifnya adalah untuk menjadikannya sebagai maklumat rasmi bagi kegunaan generasi akan datang. Lanjutan daripada itu, satu garis panduan yang dibentangkan berkaitan dengannya telah dipersetujui untuk dilaksanakan.



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan sedang menandatangani dokumen persefahaman



Sebahagian daripada perwakilan Malaysia yang hadir dalam mesyuarat persempadanan

JUPEM Lancar Kod Etika



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan menunjukkan Buku Kod Etika sejourus ianya dilancarkan

JABATAN Ukur dan Pemetaan Malaysia telah melangkah setapak lagi ke hadapan dengan melancarkan Kod Etika JUPEM. Pelancarannya disempurnakan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Y. Bhg. Dato' Hamid Ali di Hotel Flamingo, Ampang pada 15 Mei 2001.

Dalam ucapan alu-aluan pelancaran, Y. Bhg. Dato' Hamid Ali menyatakan bahawa Kod Etika JUPEM ini akan menjadi panduan dan penghayatan kepada semua warga JUPEM dalam menjadikan JUPEM sebagai satu Jabatan yang bukan sahaja disegani dari penggunaan teknologi canggih malah mempunyai kakitangan yang berakhlak, amanah dan bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara.

Sejourus majlis pelancaran yang sederhana tetapi meriah, ikrar Kod Etika dibacakan yang diketuai oleh Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan), Tuan Haji Muhamed

Kamil Mat Daud. Dengan pelancaran Kod Etika ini, adalah diharapkan satu kesepaduan dalam melaksanakan tugas dan aspirasi bersama bagi merealisasikan hasrat kerajaan dan aspirasi rakyat keseluruhannya.

Nilai-nilai murni sebagaimana yang terkandung dalam Kod Etika JUPEM jika disemai akan melahirkan individu yang mempunyai jati diri, akhlak yang luhur dan seterusnya sanggup menjalankan apa saja tanggungjawab dan amanah. Lanjutan daripada pelancaran Kod Etika ini, Buku Kod Etika dan poster-poster juga diedarkan ke JUPEM Negeri.

IKRAR KOD ETIKA JUPEM

Bahawa kami warga JUPEM dengan ini berikrar akan melaksanakan dan mengamalkan nilai-nilai murni, mengekal dan meningkatkan budaya kerja cemerlang serta berusaha mewujudkan sebuah organisasi yang cekap, berdisiplin dan berintegriti tinggi.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, sesungguhnya kami akan menghayati dan patuh kepada lunas-lunas Kod Etika JUPEM seperti berikut:

- Amanah dan jujur dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan
- Sentiasa sabar, tenang dan cekal dalam semua situasi
- Benar, telus dan ikhlas dalam menjalankan sebarang urusan
- Berdisiplin dan berkhemah tinggi
- Yakin, tepat, adil dan konsisten dalam membuat keputusan
- Sentiasa mengamalkan ciri-ciri kreatif, inovatif, motavasi, berdaya saing dan akauntabiliti
- Menjalinkan semangat kerjasama, muhibah dan kasih sayang di semua peringkat
- Berbangga menjadi warga JUPEM dan sentiasa berusaha meninggikan martabat dan imej jabatan
- Memberi perkhidmatan yang efisien dan berkualiti
- Berusaha memastikan produk-produk jabatan adalah berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan
- Sentiasa berwaspada dalam mengendalikan maklumat tanpa membocorkan rahsia Negara kepada pihak yang tidak berhak menerima

Taklimat Pengurusan Pentadbiran dan Perkhidmatan

PENGURUSAN yang cekap dan telus merupakan eset penting dalam sesebuah organisasi ke arah mencapai perkhidmatan yang cemerlang. Atas kesedaran ini, JUPEM telah menganjurkan Taklimat Pengurusan Pentadbiran dan Perkhidmatan untuk kakitangan bukan teknikal pada 28 - 30 Mei 2001 di Melaka.

Walaupun bilangan kakitangan bukan teknikal di JUPEM adalah kecil berbanding dengan kakitangan teknikal, namun peranan dan sumbangannya sebagai khidmat sokongan adalah sangat penting dan memberi kesan kepada prestasi JUPEM. Justeru itu, JUPEM akan dapat membentuk pasukan kerja yang cekap dan efisien di setiap negeri dan seksyen-seksyen bagi menyelaraskan dan menyeragamkan bentuk pengurusan pentadbiran disamping mengeratkan hubungan sesama kakitangan pentadbiran di semua peringkat.



Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan) dalam sesi perbincangan bersama peserta

Seramai 28 peserta yang terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Penolong Pegawai Tadbir di semua JUPEM Negeri dan Seksyen-seksyen telah mengikuti taklimat ini. Taklimat disampaikan oleh Encik Khalid Abu Bakar, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Perkhidmatan dan Kewangan Ibu Pejabat. Taklimat yang disampaikan adalah meliputi perlantikan kakitangan, persaraan, kewangan, stor,

urusan tata tertib dan sebagainya. Selain itu taklimat, sesi perbincangan dua hala antara peserta dengan pihak pengurusan Ibu Pejabat juga diadakan bagi mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh peserta. Turut hadir dalam taklimat ini adalah Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan) Dr. Abdul Kadir Taib.



Peserta bergambar kenangan bersama Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)

185 Kakitangan JUPEM Terima Sijil Khidmat Cemerlang



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan ketika merasmikan Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang JUPEM 2000

A NUGERAH Khidmat Cemerlang (AKC) yang diadakan adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada barisan kakitangan JUPEM yang telah menampilkan kecemerlangan perkhidmatan dalam melaksanakan kerja dan tanggungjawab di tahun 2000. Penganugerahan ini diharap akan menjadi pendorong kepada barisan kakitangan JUPEM yang lain dalam menjalankan tanggungjawab dengan tekun, rajin dan efisien serta berterusan.

Majlis AKC JUPEM telah diadakan pada 15 Mei 2001 di Hotel Flamingo, Ampang, Selangor Darul Ehsan. Seramai 189 orang kakitangan dari kumpulan sokongan telah dipilih untuk menerima AKC yang melibatkan pergerakan gaji secara melintang dan menegak. Majlis penganugerahan ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Hamid Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Berikut disenaraikan nama-nama penerima AKC bagi kategori melintang.

Terengganu
 Zulhisham Ismail
 Juruteknik, J7
 Ramli Mat
 Juruteknik J7
 Nik Hassan Mat Salleh
 Pek. Rendah Awam R10
 Azha Ali
 Pek. Rendah Awam R11

Mohamad Chik
 Pek. Rendah Awam R11
 Zabidah Ali
 Pek. Am Rendah N13

Kelantan
 Noor Amaran Othman
 Pem. Teknik, J5

Fadzullah Suhaimi Abd.
 Ghafar
 Pem. Teknik J5
 Mohd. Ariffin Ismail
 Juruteknik J7
 Ab. Kadir Yaacob
 Pem. Rendah Awam R10
 Mat Salleh Rejab
 Pem. Rendah Awam R11

Nik Ismail Nik Mat
 Pek. Rendah Awam R11

Pahang

Chong Eng Tiam
 Pem. Teknik, J5
 Manisah Mahmud
 Pen. Peg. Sis. Maklumat
 F5
 Baharuddin Khalid
 Juruteknik J6
 Mohd. Zabidi Yusuh
 Juruteknik J7
 Wan Ishak Wan Isa
 Juruteknik J7
 Mat Yasin Sulaiman
 Pek. Rendah Awam R11
 Mohd. Mustaman
 Sulaiman
 Pek. Rendah Awam R11

Melaka

Abdul Razak Karim
 Juruteknik J6
 Atan Abdan
 Pemandu R10

Negeri Sembilan

Mohd. Zainal Aman
 Pem. Teknik, J5
 Abdullah Mohd. Yassin
 Juruteknik J6
 Emary Jailani
 Juruteknik J6
 Solihuddin Jamaluddin
 Juruteknik J6

Johor

Ma'amor Moin
 Pen. Pegawai Tadbir N5
 Muhamad Jaya
 Juruteknik J7
 Rahmad Arshad
 Juruteknik J7
 Youszelan Md. Jah
 Juruteknik J7
 Zubir Moh
 Pek. Ren. Awam R10
 Ali Radiman
 Pek. Ren. Awam R11

Sabah

Justin Gitom
 Pem. Teknik J5
 Larry Joy Linus Tokuzip
 Juruteknik J7
 Zainab Md. Salleh
 Pem. Tadbir N9
 Roziz Ja'adin
 Pek. Ren. Awam R11

Sarawak

Kanapathy a/l Perumal
 Juruteknik J7
 Alijah Hj. Yahaya
 Pem. Tadbir N9
 Mursidi Anai
 Pek. Ren. Awam R11

Pulau Pinang

Azmi Mat Zin
 Juruteknik J6
 Rosle Ali
 Pek. Ren. Awam R11

Perlis

Abdulah Khamis
 Pek. Ren. Awam R10

Kedah

Ahmad Ismail
 Pem. Teknik J4
 Abu Bakar Hamzah
 Juruteknik J6
 Zulfakar Mohd. Kamal
 Juruteknik J7
 Ahmad Osman
 Juruteknik J7
 Abu Bakar Ibrahim
 Pek. Ren. Awam R10



Persembahan koir JUPEM menyerikan Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang

Mohd. Fauzi Ramelan
 Pek. Ren. Awam R10

Perak

S. Balakrishnan
 Juruteknik J6
 Yeoh Chin Terk
 Juruteknik J6
 Hjh. Mariam Hj. Mustapa
 Pem. Tadbir N9
 Ahmad Tgudin Ramli
 Pek. Ren. Awam R10
 Kamarulzaman Kassim
 Pek. Ren. Awam R10
 Hassan Marzuki
 Pek. Ren. Awam R11
 Othman Samsudin
 Jaga R11

Selangor

Mohd. Nordin Abd.
 Rahim
 Juruteknik J7

Wan Nasharuddin Wan
 Hassan
 Pek. Ren. Awam R11
 Md. Mustar Othman
 Pem. Am Rendah N13

Seksyen CAMS

Abdul Mutalib Hj.
 Ibrahim
 Pem. Teknik J5
 Abdul Haris Muhiddin
 Juruteknik J6

Seksyen FMS

Mohd. Ismail Omar
 Hattab
 Juruteknik J6

Seksyen Fotolito

Ngatemin Hj. Buang
 Pem. Am Rendah N13

Seksyen Kartografi

Saidin Peleh
 Juruteknik, J6
 Adam Hj. Daud
 Juruteknik J7

Sek. Perancangan

Gunatenaga
 Mohd. Isa Nordin
 Pem. Teknik J5

Sek. Topografi

Semenanjung
 Abdul Kadir Yaacob
 Pek. Rendah Awam, R10
 Raja Abdul Manan Raja
 Abdul Aziz
 Pek. Rendah Awam, R10
 Mahadi Maalim
 Pek. Rendah Awam, R11

WP Kuala Lumpur

Amirudin Abdul Rani
 Juruteknik J7

WP Labuan

Che Aziz Semail
 Juruteknik J7

Seksyen Geodesi

Samsuri Tarmuji
 Juruteknik J7



Sebahagian daripada penerima Sijil AKC 2000



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan menyampaikan sijil AKC



Lafaz ikrar Kod Etika oleh semua Pengarah Ukur Negeri dan Ketua Seksyen dilakukan selepas ianya dilancarkan



Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan) mengetuai bacaan lafaz ikrar Kod Etika bersama Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan dan Pengurusan Tertinggi JUPEM



Pegawai Pengurusan dan Profesional JUPEM bergambar kenangan bersama YB Menteri di Majlis AKC yang diadakan pada 7 Julai 2001 di Hotel JW Marriot, Kuala Lumpur



Sebahagian kekitangan dari pelbagai jabatan yang menghadiri Mesyuarat Agung Ke 32 MTSU W.P Kuala Lumpur di JUPEM



Kakitangan JUPEM berkerjasama menjalankan kerja-kerja khusus sebelum penyembelihan ibadah korban dilaksanakan



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan bersama pegawai kanan lain turut menyaksikan kerja-kerja penyembelihan untuk ibadah korban



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan mengiringi YB Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dalam satu acara yang simbolik di Majlis Pelancaran e-Map



YB Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menunjukkan CD e-Map sejourus Majlis Pelancaran kepada tetamu yang hadir



Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan menyampaikan cenderahati kepada YB Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi



YB Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi mengadakan sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran e-Map dan Hari Terbuka JUPEM



Aksi ahli-ahli PUSPANITA JUPEM dalam salah satu persembahan yang dipertontonkan



Ahli-ahli PUSPANITA JUPEM juga berbakat dalam membuat persembahan koir

Penempatan staf sehingga Jun 2001

Nama	Negeri/Seksyen Dahulu	Perpindahan
En. Hamdani Sadiman Juruukur J2	Timbalan Pengarah Ukur Johor	Pengarah Ukur Terengganu
En. Salleh Taib Juruukur J2	Ketua Pen. Ukur (Perundangan Kadaster)	Pengarah Ukur Perlis
Tn. Haji Mohd. Nor Udin Juruukur J2	Timbalan Pengarah Ukur W.P. Kuala Lumpur	Ketua Penolong Pengarah Ukur (Perundangan Kadaster)
En. Chua Hock Swee Juruukur J2	Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan Hakmilik)	Timbalan Pengarah Ukur Perak
En. Jasni Abdul Rahman Juruukur J2	Timbalan Pengarah Ukur Selangor	Ketua Penolong Pengarah Ukur (Kawalselia JUBL)
En. Abdul Aziz Jantan Juruukur J2	Timbalan Pengarah Ukur Negeri Sembilan	Timbalan Pengarah Ukur Johor
En. John Elvis Koh Juruukur J2	Ketua Penolong Pengarah Ukur (Kawalselia JUBL)	Timbalan Pengarah Ukur Selangor
En. Wan Deraman Che Awang Juruukur J2	Penolong Pengarah Unit Ukur Tanah, JKR	Ketua Penolong Pengarah Ukur (Kawalselia JUBL)
En. Zainal Abdul Majid Juruukur J2	Ketua Pen. Setiausaha Unit NaLIS, KITPK	Ketua Program Ukur Tanah INSTUN
Tn. Hj. Kamali Adimin Juruukur J2	Penolong Setiausaha Unit NaLIS, KITPK	Ketua Penolong Setiausaha Unit NaLIS, KITPK
En. Khalid Abu Bakar PTD M2	Penyelaras Program Institut Diplomas Hubungan Luar Negeri, JPM	Ketua Penolong Pengarah Ukur (Perkhidmatan dan Kewangan) Ibu Pejabat
Tn. Hj. Samsudin Ahmad Juruukur J3	Pengarah Ukur Perlis	Timbalan Pengarah Ukur Negeri Sembilan
En. Mohd. Shah Seeron Juruukur J3	Pen. Pengarah Ukur (Kawalselia JUBL)	Penolong Pengarah Unit Ukur Tanah, JKR
En. Mustafa Md. Kassim Juruukur J3	Penolong Pengarah Ukur Pahang	Juruukur Daerah Batu Pahat
En. Muzaffar Dol Juruukur J3	Penolong Ketua Setiausaha Program Ukur Tanah, INSTUN	Penolong Pengarah Ukur Pahang
En. Wan Darani Abdul Rahman Juruukur J3	Penolong Pengarah Unit Ukur Tanah, JPN	Timbalan Pengarah Ukur W.P. Kuala Lumpur
En. Mazlan Ashari Juruukur J3	Juruukur Daerah Batu Pahat	Penolong Ketua Setiausaha Program Ukur Tanah, INSTUN
En. Shabudin Saad Juruukur J3	Juruukur Daerah Melaka	Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan Hakmilik)
En. Hashim Awang Juruukur J3	Penolong Pengarah Ukur Topografi Sabah	Juruukur Daerah Kuala Lipis
En. Anual Aziz Juruukur J3	Penolong Pengarah Ukur Topografi Sabah	Penolong Pengarah Ukur (Geodesi)
En. Azmi Abu Bakar Juruukur J3	Juruukur Daerah Kuala Lipis	Penolong Pengarah Ukur (Perancangan Gunatenggara)

Sambutan Maal Hijrah



Ustaz Kpt (B) Najmuddin Elias



Kerja-kerja menyediakan Bubur Asyura dimulakan sejak awal pagi lagi oleh Jemaah Kakitangan Islam JUPEM Ibu Pejabat

BULAN Muharam adalah bulan pertama dalam Tahun Hijrah. Sebagai meraikan kedatangannya, Sambutan Maal Hijrah telah diadakan pada 29 Mac 2001. Ceramah telah disampaikan oleh seorang penceramah bebas iaitu

Ustaz Kpt. (B) Najmuddin Elias Al-Hafiz.

Dalam ceramahnya beliau telah menghuraikan secara terperinci beberapa perkara penting yang tersirat dalam Maal Hijrah dan mengaitkannya dengan kehidupan seharian. Banyak

perkara telah disentuh khususnya berkaitan amalan dan tanggungjawab kearah melengkapkan diri sebagai umat Islam yang sejati.

Sementara itu, pada 4 April 2001 Jemaah Kebajikan Islam JUPEM telah bergotong royong memasak 'Bubur Asyura'. Bubur tersebut kemudiannya diagihkan kepada kakitangan Islam di Ibu Pejabat. Secara tidak langsung aktiviti ini dapat menyemai semangat bergotong royong dan bekerjasama di kalangan warga JUPEM.

JUPEM Kedah juga mengadakan majlis gotong-royong memasak Bubur Asyura yang diadakan pada 19bb April 2001berrnula jam 8.00 pagi. Sejumlah RM 760.00 dapat dikumpulkan hasil sumbangan daripada kakitangan bagi memasak 2 kawah Bubur Asyura. Bubur Asyura yang telah siap dimasak dan disejukkan ke dalam bekas yang telah disediakan sebelum di agihkan kepada kepada semua pegawai dan kakitangan serta jabatan kerajaan berhampiran.

Terdapat beberapa peristiwa penting dan bersejarah yang berlaku dalam Bulan Muharam di antaranya adalah:

- Hari Asyura yang jatuh pada 10 Muharam
- Allah mencipta langit, bumi, syurga, neraka
- Nabi Adam dan Hawa dijadikan
- Allah menerima taubat Nabi Adam
- Nabi Adam masuk ke syurga
- Nabi Ibrahim dilahirkan
- Allah s.w.t menenggelamkan Firaun
- Allah menyembuhkan penyakit Nabi Ayob
- Allah menerima taubat Nabi Daud
- Allah mengurniakan kerajaan besar kepada Nabi Sulaiman
- Allah mengangkat Nabi Isa ke langit ketika dikejar pelampau Yahudi yang ingin membunuhnya
- Allah menyelamatkan Nabi Ibrahim daripada kekejaman Raja Namrud
- Allah menyelamatkan Nabi Noh bersama pengikutnya daripada banjir besar
- Allah memulihkan penglihatan Nabi Yaakub akibat menangis kerana kehilangan anaknya, Nabi Yusuf

PENGALAMAN sebagai penyelidik dan ahli akademik di sebuah puast pengajian tinggi terkemuka adalah sesuatu yang bernilai untuk dikongsi bersama dalam membangunkan diri serta menguasai bidang ilmu atau kepakaran. Atas kesedaran ini, JUPEM bersama Bahagian Ukur Tanah, Pertubuhan Jurukur Malaysia (ISM) telah menganjurkan seminar pada 7 Februari 2001 bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur.

Seminar ini adalah lanjutan daripada beberapa seminar yang telah diadakan terdahulu anjuran dan kali ini telah menampilkan Profesor Paul Cross dari University College London. Tajuk ceramah yang disampaikan adalah 'Precise GNSS Positioning In The Next Decade Prospects And Impact On The Surveying Profession'. Seminar ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Y. Bhg. Dato' Hamid Ali dan telah berjaya menarik lebih

80 peserta yang terdiri dari kakitangan JUPEM dan ahli-ahli ISM.

Seminar ini telah mendedahkan kaedah penggunaan satelit dalam kerja-kerja pengukuran hakmilik serta pemprosesan yang harus dilakukan. Pelbagai tajuk telah disentuh khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan perkembangan dalam profesion ukur ketika ini khususnya di Malaysia dan di peringkat antarabangsa amnya.



Professor Paul Cross



Sebahagian daripada peserta yang hadir

Seminar Pengurusan Teknologi Maklumat



Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan sedang berucap di Maljjs Perasmian Seminar

JABATAN Ukur dan Pemetaan bersama Persekutuan Juruukur Tanah Bertauliah Semenanjung Malaysia (PEJUTA) telah menganjurkan seminar Pengurusan dan Teknologi Maklumat pada 28 - 29 Mac 2001 bertempat di Hotel Equatorial, Bangi, Selangor.

Seminar yang berorientasikan Pengurusan Teknologi Maklumat ini telah dirasmikan oleh Y. Berusaha Encik Chia Wee Tong, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan mewakili Y. Bhg. Dato' Hamid Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan. Seminar ini telah

mendapat sambutan yang menggalakan dan berjaya menarik lebih 150 orang peserta. Tiga kertas kerja telah dibentangkan di seminar ini iaitu:

- i LJT Net
 - Encik Shahabuddin Ibrahim, Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia
- ii Field-to-finish
 - Tuan Haji Che Abdullah Md. Rejab, Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster)
- iii e-Commerce JUPEM
 - Encik Ahamad Zakaria, Ketua Penolong Pengarah Ukur (Perkhidmatan Pembangunan Sistem)

Kertas kerja ini telah mendedahkan kaedah terkini dalam meningkatkan mutu dan perkhidmatan ukur tanah di Malaysia. Di samping itu, seminar ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara ahli PEJUTA dan JUPEM.



En. Shahabudin Ibrahim, Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah sedang membentangkan kertas kerja

Ceramah Maulidul Rasul

SEJARAH atau riwayat hidup seseorang Nabi yang terkenal seharusnya dijadikan dan teladan ke arah meningkatkan pembangunan diri serta menguatkan lagi pegangan iman seseorang. Dalam hubungan ini, JUPEM telah dipilih menjadi tuan rumah dalam menganjurkan Sambutan Maulidul Rasul peringkat Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Majlis telah diadakan pada 24 Jun 2000 bertempat di Dewan Ukur, Ibu Pejabat, Kuala Lumpur.

Di majlis ini, satu ceramah berkaitan dengan Maulidul Rasul telah disampaikan oleh Ustaz Haji Daud Che Ngah, seorang pendakwah bebas. Majlis ceramah ini telah dihadiri oleh lebih 200 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan/agensi di bawah kementerian. Majlis Sambutan Maulidul Rasul ini telah dimeriahkan dengan persembahan nasyid oleh kakitangan kementerian.



Ustaz Haji Daud Che Ngah ketika menyampaikan ceramah Maulidul Rasul

Dalam ceramahnya, Ustaz Haji Daud Che Ngah telah mengulas riwayat hidup dan rahsia kejayaan kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. Di samping itu, ceramah ini juga turut menghuraikan secara terperinci konsep ibadah sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran Islam. Beliau juga menyarankan beberapa perkara khususnya berkaitan dengan Fardu Kifayah yang harus dilakukan dalam kerja-kerja seharian bagi memperoleh keredhaan dan keberkatan dari Allahs.w.t.



Sebahagian daripada tetamu yang hadir



Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik) ketika merasmikan mesyuarat

JABATAN Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) adalah diantara jabatan teknikal kerajaan terbesar dan tertua yang beroperasi di negara ini. Justeru itu, ramai di antara kakitangan JUPEM yang terlibat

Mesyuarat Agung Ke 32 MTSU W.P Kuala Lumpur

dan menganggotai pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan khususnya yang mempunyai kepentingan dalam bidang kerjayanya.

Dalam hubungan ini, JUPEM dipilih untuk menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Agung Tahunan ke 32 Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU) Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Majlis yang berlangsung di Dewan Ukur pada 2 Mei 2001 telah disempurnakan

perasmiannya oleh Pengarah Ukur Bahaian (Ukur Geodetik) Encik Hasan Jamil yang mewakili Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Y. Bhg. Dato' Hamid Ali.

Turut hadir di majlis ini adalah Presiden MTSU, Encik Mohd. Yusof Haji Harmain Shah bersama Ahli Majlis Tertinggi yang lain. Mesyuarat telah dihadiri oleh lebih 150 orang ahli yang terdiri wakil daripada pelbagai jabatan kerajaan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Majlis Ibadah Korban

PADA 7 Mac 2001 bersamaan 11 Zulhijah 1421 merupakan satu tarikh yang bersejarah bagi kakitangan Islam JUPEM Ibu Pejabat, Kuala Lumpur dalam menyemarakkan Hari Raya Aidil Adha dengan melakukan ibadah korban. Ibadah korban yang pertama kali ini diadakan di pekarangan Ibu Pejabat ini telah dikendalikan sendiri oleh kakitangan Islam di peringkat Ibu Pejabat secara bergotong royong. Amalan melakukan ibadah korban merupakan sesuatu yang amat dituntut dan digalakkan oleh Islam. Selain dapat melatih diri dalam menghayati hikmah yang tersirat di sebalik ibadah kurban, ianya juga dapat melahirkan semangat tanggungjawab dan

mengeratkan lagi hubungan tali persaudaraan sesama Islam.

Di atas semangat kerjasama yang diberikan oleh kakitangan, 3 ekor lembu telah dikorbankan di hari tersebut. Ketua Pengarah

Ukur dan Pemetaan, Y. Bhg. Dato' Hamid Ali bersama pegawai kanan yang lain turut hadir dalam majlis tersebut. Daging-daging korban tersebut telah dibahagikan mengikut kaedah yang ditetapkan sementara sebahagiannya dimasak dan dimakan secara beramai-ramai.



Kakitangan JUPEM sedang menguruskan daging korban untuk agihan

Hari Wanita JUPEM

SEBAGAI sebuah pertubuhan sukarela yang bergiat aktif dalam menjalankan kerja-kerja amal, PUSPANITA JUPEM telah menganjurkan ' HARI WANITA JUPEM ' pada 30 Jun 2001 bertempat di Dewan Ukur. Majlis makan tengahari yang diadakan ini adalah untuk mengutip derma bagi mengisi tabung kebajikan yang diwujudkan bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Hamid Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan yang juga selaku penasihat kepada pertubuhan ini. Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan menyatakan bahwa penglibatan kakitangan wanita JUPEM dalam menganjurkan majlis ini adalah satu kejayaan yang besar dan harus diberi sokongan kerana telah dapat membahagikan masa dan tugas sebagai suri rumah, tugas di pejabat dan kerja-kerja amal dengan jayanya. Usaha-usaha

murni ini harus diterus dan dikekalkan kerana ianya dapat menjalin hubungan yang erat di kalangan kakitangan wanita JUPEM dan masyarakat setempat di samping menaikkan imej JUPEM.

Terdahulu daripada itu, Y. Bhg. Datin Asiah Yusoff, isteri kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan selaku Pengerusi PUSPANITA

JUPEM mengucapkan terima kasih kepada para dermawan yang membantu manjayakan majlis tersebut. Beliau juga berharap agar kerjasama dan kemesraan yang terjalin dikalangan ahli dapat dikekalkan dalam mengukuhkan lagi pertubuhan di masa akan datang.

Majlis telah dihadiri lebih 100 orang yang terdiri daripada ahli-ahli dan penyertaan dari pihak swasta iaitu isteri-isteri Juruukur Tanah Berlesen. Para



*Y. Bhg. Datin Asiah Yusoff
Pengerusi PUSPANITA JUPEM*

tetamu dihiburkan dengan persembahan nyanyian, tarian dan deklamasi sajak dari kalangan ahli-ahli. Turut memeriahkan majlis adalah persembahan Kumpulan Dikir Barat yang didatangkan khas dari Jabatan Penjara Sungai Buluh. Selain dihiburkan dengan persembahan kesenian dan kebudayaan, penganjur juga mengadakan cabutan nombor bertuah kepada tetamu yang menyediakan hadiah-hadiah menarik dan istimewa.



Persembahan dikir barat oleh kakitangan Jabatan Penjara Sungai Buluh



Persembahan kesenian dari kalangan ahli-ahli

Pengurusan Ukuran Di Alaf Baru

(Petikan Kertas Kerja daripada Persidangan Pengarah-Pengarah Ukur 1999)

Oleh,

Tuan Haji Mohamed Kamil Mat Daud, Pengarah Ukur Kelantan

Tuan Haji Che Abdullah Md. Rejab, Pengarah Ukur Johor

Encik Mohamed Azahari Mohd. Zainuddin, Pengarah Ukur Pahang

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mencadangkan langkah proaktif ke arah pengurusan ukuran ke alaf baru yang seharusnya dilaksanakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan semasa. Langkah ini akan memberi kesan kepada kerja-kerja ukur kadaster yang dijalankan oleh Jabatan dalam menuju ke era teknologi maklumat (IT) dan sedia terus memberi perkhidmatan ukur yang berkualiti, cepat dan cekap bagi memenuhi kehendak dan keperluan Negeri dan Negara.

2. PENDAHULUAN

2.1 JUPEM merupakan salah satu daripada Jabatan yang tertua di Malaysia. Semenjak penubuhannya, ia telah memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan negara khususnya mengurus kedaulatan persempadanan, pemetaan, menyediakan prasarana ukur dan menjaga rekod hartanah individu, swasta atau agensi kerajaan. Dengan peredaran masa dan evolusi dunia yang pesat, peranan JUPEM menjadi bertambah besar. Namun, melalui visi yang jelas, JUPEM menerusi program-program penyelidikan dan pembangunannya telah mampu berdiri untuk menempuh alaf baru.

2.2 JUPEM, sentiasa peka dengan perkembangan dan perubahan semasa khususnya pada perkara-perkara yang melibatkan IT. Dengan cara ini, JUPEM dapat menjangkakan bahawa budaya IT akan menguasai semua proses kerja di alaf baru nanti. Dengan visi dan misi yang jelas dalam memberi perkhidmatan ukur dan pemetaan yang efisien yang boleh memberi kepuasan kepada pelanggan. Projek yang ketara dibangunkan ialah Sistem Pengurusan Data Kadaster (SPDK) di semua negeri. Pelaksanaan projek SPDK ini akan dapat membantu mempercepatkan prosesan kerja seharian

JUPEM di semua peringkat. Di samping itu, dengan wujudnya Pangkalan Data Kadaster yang lengkap, maka akan bertambah mudah data-data ini digunakan dalam aplikasi pengurusan tanah seperti National Land Information System (NaLIS), Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan sebagainya.

2.3 SPTB yang dilaksanakan di Pejabat Tanah Daerah (PTD) adalah untuk memodenkan pentadbiran tanah iaitu dengan mengkomputerisasikan kaedah pendaftaran dan urusan tanah. Ini menjadikan prosedur dalam pendaftaran tanah lebih kos efektif selain daripada meningkatkan kemudahan mengesan serta memperolehi maklumat tanah. Secara ringkasnya aktiviti SPTB adalah meliputi perkara-perkara seperti pendaftaran hakmilik, pendaftaran urusan tanah dan bukan urusan tanah. Di samping itu, salah satu aplikasi yang akan dirangkaikan dengan SPTB ialah integrasi dengan SPDK bagi mencantumkan data tekstual dengan data grafik.

2.4 Menyentuh tentang sistem pengurusan tanah sekarang, kejayaannya sangat bergantung kepada kecepatan mendaftarkan hakmilik-hakmilik tanah. Ini pula bergantung kepada kecekapan peranan yang dimainkan oleh JUPEM dan PTD. Jika pengukuran tanah tidak dilakukan dengan tepat dan secepatnya dan sekiranya PTD mengambil masa yang panjang untuk memasukkan maklumat dan mendaftarkan hakmilik, maka sistem pengurusan tanah ini tidak akan berjaya. Bagi memastikan kejayaan sistem pengurusan tanah ini, maka tidak sepatutnya berlaku kelambatan dan kesilapan dalam pendaftarannya. Kesemua ini menunjukkan betapa perlunya pemodenan sistem pengurusan tanah dan pengurusan ukuran dalam menempuh alaf baru.

Dalam konteks peningkatan keupayaan SPDK, Pejabat Juruukur Ukur Daerah (JUD) telah

dilengkapi dengan sistem perisian yang mampu menangani permasalahan pengumpulan data kerjalar hingga tindakan pengeluaran Pelan Akui.

2.5 Antara perkembangan yang patut diberi perhatian kini ialah langkah yang diambil oleh PTG Johor untuk mengurangkan peranan hakmilik sementara dengan tidak mengeluarkannya bagi kerja-kerja 'Serah Balik Kurnia Semula'. Walaupun ini adalah merupakan perkembangan yang baik untuk Jabatan Ukur kerana peranan kita akan menjadi lebih penting tetapi ia telah menimbulkan kegelisahan dikalangan pemaaju-pemaaju kerana, oleh sebab-sebab tertentu, ukuran untuk mendapatkan hakmilik kekal mengambil masa yang lama dan mereka perlukan hakmilik dengan segera. Langkah ini kemudiannya terpaksa diketepikan. Walau bagaimanapun hal ini lebih banyak melibatkan Jurukur Tanah Berlesen dan Jabatan Ukur hanya terlibat dalam meluluskan ukuran sahaja. Langkah ini juga boleh dilihat sebagai kesediaan PTG untuk tidak mengeluarkan hakmilik sementara jika Jabatan Ukur dapat mengukur dan menyediakan hakmilik kekal dalam masa yang singkat tetapi hingga kini cabaran ini tidak dapat disambut.

2.6 Penemuan baru dalam memudahkan dan melicinkan aktiviti Permohonan Ukur (PU) perlu dipertimbangkan dan dilaksanakan oleh JUPEM bagi membolehkan Negeri/Negara mengembelengkan penggunaan tanah dengan optimum dan lebih produktif. Justeru, adalah dicadangkan perhubungan terus antara JUPEM dengan pelanggan diadakan setelah Borang 5A dikeluarkan oleh PTD selepas kelulusan pemberian milik tanah. Ianya akan memberikan peranan yang besar untuk dimainkan oleh JUPEM bagi melicinkan pentadbiran dan urusan tanah bersesuaian dengan era teknologi maklumat dan arus pembangunan negara. Bagi pemberian milik tanah masalah seperti di atas biasanya tidak timbul.

3 PERMASALAHAN MASA KINI

3.1 Pengukuran bagi sesuatu bidang tanah adalah mengikut Seksyen 396 Kanun

Tanah Negara (KTN). Jika pengukuran tersebut tidak dijalankan oleh JUBL, maka mengikut seksyen 181(1)(ca) KTN PU perlu dikemukakan oleh PTD kepada JUPEM dengan menggunakan borang 'Tanah 126'. Keberkesanan dan kecepatan di dalam penyediaan PU ini akan memberi kesan secara langsung kepada pengeluaran sesuatu, Hakmilik Tetap.

3.2 Bagaimanapun, masih terdapat keadaan-keadaan di mana kelewatan penerimaan PU berbanding dengan tarikh bayaran ukur oleh pemilik-pemilik tanah. Rumusan atau tempoh masa purata yang diambil untuk penyediaan PU setelah bayaran ukur dijelaskan ialah 2 tahun 4 bulan.

3.3 Berdasarkan maklumat sebagaimana di atas ternyata berlakunya kelewatan di dalam menghantar PU untuk membolehkan ukuran dijalankan oleh JUPEM Negeri. Perkara ini sememangnya disedari oleh PTD dan bagi mengatasinya ada Pengarah-Pengarah Tanah Dan Galian Negeri yang mengeluarkan Pekeliling supaya tindakan penghantaran PU ini dibuat sebelum Hakmilik Sementara didaftarkan.

3.4 Pihak Kementerian Kemajuan Tanah Dan Pembangunan Koperasi pada tahun 1988-1990, juga telah menganjurkan bengkel dihampir kesemua negeri mengenai isu penukaran Hakmilik Sementara kepada Hakmilik Tetap dan ekoran daripada bengkel tersebut Pekeliling KPTG 1/91 dikeluarkan.

3.5 Pada tahun 1992, KTN telah dipinda dan diantara pindaan yang terlibat adalah pindaan kepada Seksyen 181 (1)(ca) dan Seksyen 183(4)(ba) yang menghendaki PTD menghantar PU kepada JUPEM Negeri sebaik sahaja Hakmilik Sementara didaftarkan.

3.6 Walau bagaimanapun hasil kajian seperti di atas mendapati masalah ini terus berlaku dan memberi impak kepada JUPEM Negeri, PTD dan juga pemilik-pemilik tanah berkenaan. Kesan ketara yang dihadapi adalah masalah keluasan dan persempadanan lot-lot yang berbeza dengan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

3.7 Untuk mengatasi masalah ini, JUPEM

Negeri telah cuba mencari jalan alternatif dan di antaranya JUPEM Johor telah pun menjalankan ukuran pendahuluan tanpa menunggu PU. Usaha ini telahpun diiktiraf oleh Kerajaan dengan menganugerahkan 'Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam' pada tahun 1997. Walau bagaimanapun usaha-usaha ini hanya berkesan kepada tanah-tanah yang diberi milik secara beramai-ramai. Jurukur Berlesen pula telah dibenarkan menjalankan ukuran pemberian milik dimana prosedurnya telah dipermudahkan melalui Pekeliling KPUP 3/93.

3.8 Proses pelupusan tanah selalunya mengambil masa yang lama dan apabila PU diterima, tanah tersebut biasanya telah lama diduduki atau telah diusahakan oleh tuan-tuan punya tanah. Apabila ini berlaku akan timbul keadaan di mana keluasan usaha atau pendudukan tidak mengikut Pelan PU yang telah diluluskan. JUPEM sering menerima permohonan untuk meminda ukuran yang telah dijalankan daripada PTD apabila tuan-tuan tanah mengadu tanda-tanda sempadan tidak menyebelahi mereka. Ini menyebabkan berlakunya ukuran berulang-ulang kali dan secara langsung menyebabkan kes ukuran yang dijalankan meningkat. Terdapat kerja-kerja yang mana Pelan Akui yang telah diluluskan tetapi akhirnya diminta ukuran pindaan dijalankan, walaupun ukuran asal telah dibuat mengikut usaha dan dipersetujui oleh PTD.

3.9 Konsep keadilan kepada tuan-tuan tanah tidak dapat dijalankan dengan baik. Ini adalah kerana ada tuan-tuan tanah mengambil kesempatan dengan sengaja menjalankan usaha-usaha pertanian, mendirikan pagar-pagar, membina parit-parit dan juga rumah dengan harapan lebih usaha mereka tadi akan menjadi milik mereka apabila ukuran yang dijalankan mengikut usaha dan seterusnya dipersetujui oleh PTD. Secara langsung ukuran yang telah dijalankan cara begini telah menafikan hak tuan-tuan tanah yang sebelahan sepertimana kelulusan oleh PBN.

3.10 Dari segi ekonomi, ianya akan menguntungkan sebelah pihak sahaja sekiranya tuan tanah mengambil peluang ke

atas keluasan mengikut usaha. Ini adalah kerana tanah merupakan satu aset yang harganya sentiasa meningkat terutamanya tanah untuk kediaman di bandar-bandar dan pekan.

4 CADANGAN PENYELESAIAN

Menyedari perimustahaknya kecekapan dalam pengurusan ukuran maka adalah dicadangkan satu sistem PU secara terbuka kepada pelanggan diperkenalkan. Sistem ini memberi alternatif kepada pelanggan untuk mengurus sendiri permohonan ukur dengan JUPEM:

- Pemohon yang telah diluluskan pemberimilikan boleh memohon terus kepada JUPEM untuk membuat pengukuran setelah bayaran ukur dijelaskan.
- Pemohon boleh juga melantik JUBL untuk tujuan yang sama.

Dengan ini pejabat jurukur daerah diberi peranan baru iaitu;

- Memproses PU
- Menerima Bayaran Ukur
- Membuat Surihan Kerja Luar
- Menjalankan ukuran dan memproses data

5 JUSTIFIKASI KEPERLUAN SISTEM TERBUKA PERMOHONAN UKUR

5.1 Kemudahan JUPEM dalam mengendalikan pengurusan ukuran dengan terlaksananya SPDK akan meningkat.

5.2 Tempoh masa dari pembayaran Upah Ukur dan ukuran sebenar dijalankan dapat disingkatkan dan seterusnya dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan ukuran mengikut usaha.

5.3 Mengoptimumkan keupayaan operasi SPDK (lapisan Hakmilik Sementara boleh dikemaskini).

5.4 Dapat membantu pihak Kerajaan Negeri dalam mengendalikan pengurusan tanah dan guna tanah yang lebih efisien seperti pungutan cukai tanah dan lain-lain.

5.5 Menguntungkan orang ramai dalam memberi keadilan dalam urusan bayaran cukai tanah iaitu cukai dibayar berdasarkan

keluasan tanah yang sebenar. Jualbeli tanah lebih adil dimana harga tanah berdasarkan keluasan tanah sebenar. (Dalam kes jualbeli yang melibatkan Hakmilik Sementara kebiasaannya berlaku perbezaan keluasan. Ini merugikan pembeli yang terkemudian).

5.6 Perselisihan antara tuan-tuan tanah kerana pertindihan sempadan dapat dielakkan.

6 PINDAAN PROSEDUR DAN KTN

6.1 Borang 5A (Seksyen 81 dan 82) KTN perlu dipinda memandangkan segala urusan bagi Bayaran Ukur, Tanda Sempadan dan Penyediaan Hakmilik Tetap yang merupakan hasil persekutuan akan diuruskan oleh JUPEM. Borang 5A boleh dibahagikan kepada:

- Borang 5A (1)

Segala tuntutan bayaran yang melibatkan Hasil Negeri (cukai, premium, pendaftaran suratan hakmilik sementara dan hakmilik tetap) perlu dijelaskan di pejabat PTD.

- Borang 5A(2)

Segala tuntutan bayaran ukur, tanda sempadan, penyediaan suratan hakmilik tetap melibatkan Hasil Persekutuan yang perlu dijelaskan di pejabat JUPEM (diperluaskan juga kepada pejabat JUD dan rangkaian sistem pembayaran dalam pentadbiran JUPEM seluruh Malaysia dengan pelaksanaan "E-commerce" untuk membuat pengurusan ukuran).

6.2 Borang (Tanah 126)

Perlu diubahsuai memandangkan pada kebiasaannya PTD akan mengeluarkan surat iringan untuk memaklumkan:

- Permohonan telah diluluskan
- Maklumat bayaran-bayaran yang perlu dijelaskan
- Borang 5A

Pelanggan akan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dan dokumen tambahan sekiranya ada bagi memudahkan JUPEM membuat pendaftaran PU dan prosesan pengurusan ukuran seterusnya.

6.3 Memandangkan urusan Bayaran Ukur akan dikendalikan oleh JUPEM maka Perintah

Bayaran Ukur KTN 1965 LN 486 yang berkaitan kuasa pengecualian dan pengurangan Bayaran Ukur hendaklah dipinda dari PTG kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.

6.4 Mewujudkan Unit Pengurusan Ukuran di pejabat JUD. Oleh kerana beban kerja akan bertambah, adalah dicadangkan pewujudan satu Unit Pengurusan Ukuran di Pejabat JUD bertujuan untuk melicinkan serta mempercepatkan kerja ukuran hakmilik dan seterusnya mempertingkatkan lagi fungsi JUD.

6.5 Pindaan kepada KTN

Terdapat perundangan dalam KTN yang perlu dikaji semula berlandaskan kepada keperluan perubahan yang melibatkan kepada pindaan-pindaan berikut:

- Seksyen 10 (2)
- Seksyen 81.1 (c & d)
- Seksyen 84.1
- Seksyen 138.4 (a & b)
- Seksyen 143.4 (a & b)
- Seksyen 149.4 (a & b)

7. KESIMPULAN

Adalah diharapkan kertas kerja ini akan menjadi landasan untuk menemukan satu kaedah bagi meningkatkan kelancaran pengurusan tanah dan pengurusan ukuran dalam mengimbangi kemajuan penggunaan IT. Langkah yang dicadangkan boleh memastikan semua pihak melaksanakan tanggungjawab dalam mempercepatkan pendaftaran suratan hakmilik muktamad dan dengan itu dapat memastikan rekod-rekod pentadbiran tanah dalam keadaan kemaskini. Walaupun perbincangan mendalam telah dibuat dalam menghasilkan kertas ini ulasan selanjutnya adalah dialu-alukan.

Tidak dinafikan ianya akan memberi tekanan kepada JUPEM tetapi ia akan melicinkan urusan pengukuran tanah. Dengan penambahan kakitangan serta perancangan yang teliti, perkara ini dijangka dapat dilaksanakan.

LARIAN SUKAN SEA XXI

PENYERTAAN secara sukarela dalam menjayakan acara nasional yang dianjurkan oleh kerajaan adalah satu tanggungjawab sosial yang harus dilaksanakan. Walaupun penglibatannya hanya seketika, namun penglibatan ini adalah dianggap sebagai pengorbanan dan semangat jati diri yang padu terhadap negara.

Atas kesedaran ini, JUPEM Kedah dengan kerjasama Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT) telah mengambil bahagian dalam larian Sukan SEA ke XXI. Seramai 10 orang kakitangan JUPEM Kedah yang diketuai oleh Jurukur Daerah Kedah Utara En. Wan Rudaini bin Wan Abdullah yang mewakili Pengarah Ukur telah mengambil bahagian dalam larian ini bagi peringkat Daerah Kulim pada 22hb April 2001.

Sebagai pelari kedua, En. Wan Rudaini menerima obor dari



En. Wan Rudaini menerima obor dari ADUN Kulim YB Datuk Yong Pau Chak bagi meneruskan larian

Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kulim, YB. Datuk Yong Pau Chak yang telah memulakan larian pada jam 9.00 pagi. Kakitangan JUPEM Kedah telah membuat larian sejauh 1 km bermula dari CRC (Chinese Recreation Club) hingga ke Sek. Men. St. Patricks, Kulim. Ketika kakitangan JUPEM Kedah yang bertukar ganti membawa obor

semasa larian, mereka telah diiringi oleh kenderaan pengiring yang terdiri dari Polis Daerah Kulim, Jabatan Penerangan, Ambulan serta Jabatan Belia dan Sukan Kedah.

Obor larian seterusnya diserahkan kepada wakil Sek. Men. Keb. Junjung serta lain-lain wakil Jabatan Kerajaan dan Swasta berjumlah lebih 500 orang yang mengambil bahagian berlari mengelilingi bandar Kulim sejauh 20 km dengan mengambil masa hampir 2 jam.

Larian Obor ini yang dibawa menjelajahi seluruh pelusuk negara dalam usaha mempromosi sukan dwi tahunan itu kepada semua lapisan masyarakat merupakan sebahagian daripada komitmen JUPEM dalam menjayakan Kuala Lumpur 2001, Sukan SEA XXI.



Kakitangan JUPEM Kedah bertukar ganti membawa obor semasa larian

Sumbangan anda adalah dialu-alukan bagi menjadikan penerbitan Berita Ukur lebih luas dan padat. - Sidang Pengarang.